

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI**  
**[ PUTATAN ]**

**SOALAN NO. 371**

**TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI [ PUTATAN ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah proaktif Kementerian untuk menyelesaikan masalah lambakan graduan perubatan, kimia dan sains makanan yang semakin meruncing pada masa ini. Dicatatkan sekitar 54,103 graduan yang menganggur selepas pengajian dan ianya meliputi 22.7% graduan yang habis pengajian. Di dalam statistik ini graduan lepasan perubatan, kimia dan juga sains makanan tersenarai antara graduan yang paling ramai menganggur. Kementerian berkolaborasi dengan Kementerian berkaitan dan sudah tiba masanya untuk mewujudkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian memandang serius akan perkara berkaitan kebolehpasaran graduan dikalangan institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia. Justeru, bagi mengurangkan jurang kebolehpasaran graduan, Kementerian telah melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh UA. Pihak UA mestilah menjalankan kajian analisis yang terperinci terhadap program-program akademik yang hendak ditawarkan, supaya hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan. Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, tiada duplikasi program

akademik sedia ada di kalangan IPT, implikasi kewangan, perjawatan dan fizikal serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara berkaitan bidang pendidikan tinggi agar relevan , berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa selari dengan IR 4.0

Program akademik yang hendak ditawarkan juga mesti mengambil kira keperluan guna tenaga dan bidang kritikal yang telah dikaji dan dibentangkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perangkaan Malaysia, ILMIA, Talentcorp, Jobstreet dan lain-lain agensi berkaitan yang turut hadir dalam mesyuarat saringan awal dan perakuan program. Ini bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara dan tidak berlaku lambakan graduan dalam bidang-bidang dan pekerjaan yang tidak diperlukan. Kerjasama dengan badan-badan profesional juga telah dilaksanakan bagi mengawal bilangan program dan kuota pengambilan pelajar bagi satu-satu bidang. Sebagai contoh, bagi mengatasi masalah lambakan graduan perubatan, Kementerian dengan kerjasama badan profesional telah melaksanakan moratorium penawaran bagi kursus pengajian bidang perubatan dan kejururawatan di IPT. Melalui moratorium ini, Kementerian tidak akan mempertimbangkan permohonan baharu bagi program perubatan dan kejururawatan diperingkat diploma dan ijazah sarjana muda.

Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju melanjutkan moratorium penawaran program perubatan di IPT bagi tempoh 5 tahun lagi mulai 1 Mei 2016 hingga 30 April 2021. Moratorium ini bermaksud tiada program perubatan yang baharu di peringkat ijazah sarjana muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar perubatan di peringkat ijazah sarjana muda. Begitu juga dengan kursus pengajian kejururawatan yang dilanjutkan moratorium sehingga 1 julai 2020.

Bagi keperluan bidang-bidang lain, adalah menjadi tanggungjawab institusi untuk melaksanakan kajian pasaran untuk mengenalpasti kebolehpasaran graduan dan bidang-bidang pengajian yang menjadi keperluan tenaga kerja pada masa hadapan sebelum sebarang program baharu ditawarkan oleh IPT.